

Jenis Akhbar : Utusan Borneo Sarawak

Tarikh : 13/07/2026

Edisi / Muka Surat : Sarawak / 1 & 2

Tajuk : KPSM Bakong terus cemerlang, agih dividen 30 peratus kepada anggota

Muka Surat: 1

KPSM Bakong terus cemerlang, agih dividen 30 peratus kepada anggota

MIRI: Kejayaan Koperasi Pekebun Sawit Makmur (KPSM) Bakong, Marudi Berhad mengekalkan prestasi cemerlang sehingga tersenarai antara koperasi terbaik negara membuktikan keupayaannya dalam memperkukuh ekonomi anggota menerusi pengurusan yang berkesan.

Timbalan Menteri Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Dr Penguang Manggil berkata, pencapaian koperasi itu wajar dibanggakan apabila berada dalam kelompok 350 koperasi terbaik di Malaysia bagi tahun 2025 dengan kedudukan ke-18, selain muncul sebagai koperasi keenam terbaik di

Sarawak.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan KPSM Bakong Marudi Berhad serta Majlis Penyerahan Rebat Tahunan kepada anggota KPSM Bakong Marudi Berhad yang layak, baru-baru ini.

Menurut beliau, kejayaan tersebut membuktikan komitmen pengurusan koperasi dalam memajukan sektor perladangan sawit serta menjaga kebajikan anggotanya.

Dalam pada itu, Penguang turut mengucapkan tahniah kepada KPSM Bakong Marudi Berhad atas kejayaan membina tanjakan (ramp) kedua yang

terletak di Bukit Kisi, Jalan Sungai Mamut, Sibuti bagi meningkatkan kecekapan operasi koperasi.

"Saya amat berbangga dengan kejayaan koperasi ini, yang berjaya mengagihkan dividen sebanyak 30 peratus kepada anggotanya, selain memberikan rebat langganan tahun 2025 sebanyak RM7 satu tan metrik kepada anggota yang menjual buah sawit ke pusat timbang milik koperasi," katanya.

◆ [Lihat Muka 2](#)

Muka Surat: 2

KPSM Bakong terus cemerlang, agih dividen 30 peratus kepada anggota

► **Dari Muka 1**

Sehubungan itu, beliau menyeru semua anggota supaya terus memberikan sokongan kepada setiap perniagaan yang dijalankan oleh KPSM Bakong Marudi Berhad kerana segala keuntungan yang diperoleh akan dikembalikan semula kepada anggota melalui pelbagai manfaat dan pulangan.

Pada majlis itu, Lim Ah Leong turut menerima pengiktirafan sebagai penerima rebat tahunan tertinggi bagi tahun kewangan 2025.

Turut diadakan ialah penyertaan pameran dan khidmat nasihat daripada beberapa agensi, antaranya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Miri, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) Miri, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) Miri, Bank Rakyat Cawangan Miri serta Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) Miri.

Hadir sama Penyelaras Tunas MPOB Zon Sarawak 2 Khairul Abidin, Pegawai Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Miri Lili Fauziah Adnan serta ketua-ketua masyarakat daerah Beluru.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia ANGKASA